

LIBERALISASI PELABURAN ASING DI MALAYSIA: MASIH RIGID ATAU CUKUP LIBERAL?

(Foreign Investment Liberalization in Malaysia: Still Rigid or Liberal Enough?)

Nik Hairi Omar, Jayum A. Jawan, Zaid Ahmad, Sarjit S.Gill

ABSTRAK

Liberalisasi pelaburan yang agresif telah menjadi keutamaan di kebanyakan negara yang menjadikan FDI sebagai strategi pertumbuhan dan pembangunan. Artikel ini meneliti sejauhmana pendekatan FDI di Malaysia dipraktik secara liberal atau rigid berdasarkan penilaian syarikat multinasional (MNC) ke atas tujuh pembolehubah: syarat masuk, insentif percukaian, perburuhan dan perhubungan perusahaan, tadbir urus, ekonomi domestik, sofistikasi sistem kewangan dan penyertaan antarabangsa. Data kajian diperolehi daripada tinjauan soal selidik ke atas 31 buah syarikat MNC yang beroperasi di Lembah Klang dan Pulau Pinang. Hasil kajian menunjukkan 47.3 peratus indikator yang mengukur praktik pendekatan FDI adalah positif (liberal) dan baki 52.7 peratus dinilai secara negatif (rigid) oleh MNC. Daripada keseluruhan tujuh praktik pelaburan yang dikaji, tiga mendapat penilaian yang liberal dan empat adalah rigid. Dari perspektif pelabur, artikel merumuskan bahawa walaupun dasar FDI di Malaysia telah semakin liberal, namun praktik pendekatan FDI masih perlu diperbaiki. Aspek yang memerlukan banyak penambahbaikan ialah prosedur pelaksanaan insentif percukaian dan tadbir-urus pelaburan sementara aspek yang memerlukan sedikit penambahbaikan ialah praktik perhubungan perusahaan serta penyertaan antarabangsa.

Kata kunci: *Syarikat Multinasional, Pelaburan Asing, Pendekatan Pelaburan Asing*

ABSTRACT

Aggressive investment liberalization has become priority in many countries that pursue FDI as a strategy of growth and development. This article examines how liberal or rigid the practice of FDI approach in Malaysia based on multinational companies (MNC) assessment toward seven constructs, that are: entry requirements, tax and incentives, labor and industrial relations, governance, domestic economy, financial sophistication and the international participation. Data were obtained through survey involved of 31 MNCs in the Klang Valley and Penang. The results showed that 47.3 percents of indicators that measured FDI practice were assessed positively (liberal) by MNC, whilst 52.7 percents were assessed negatively (rigid). From the total of seven constructs, three had a liberal assessment and four were rigid. From investor perspectives, the article concluded that although FDI approach in this country is toward more liberal, the practice still needs some improvement. Major aspects that require improvement strategies are the implementation of incentives and tax, as well as governance, whilst aspects that require little improvement are labor practices and industrial relations, along with the international participation.

Keywords: *Multinational Company, Foreign Investment, Foreign Investment Approach*

PENGENALAN

Kepentingan Pelaburan Langsung Asing (FDI) kepada ekonomi sesebuah negara telah banyak dibahaskan oleh sarjana. Bagi para pendokong hipotesis kesan titisan ke bawah, beberapa sumbangan besar FDI ke atas ekonomi adalah peningkatan terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), penyediaan peluang pekerjaan, pemindahan teknologi dan kepakaran, pengembangan rantaian industri serta membantu proses integrasi negara ke dalam pasaran dan perkhidmatan global (Vardar, 2011; Li & Liu 2005; Janeba, 2004; Jensen, 2003; Amiti & Wakelin, 2003; Todaro, 2002; Sornarajah, 1994). Disebabkan kepentingan FDI, majoriti negara sedang membangun (NSM) telah mengeneppikan desakan anti-globalisasi dan kritikan terhadap teori-teori kebergantungan ekonomi (Rodriguez, 2010; Frieden, 2006; Stiglitz, 2002; Wallach & Sforza, 1999; Collier & Gunning, 1999; World Bank, 1997; Mander & Goldsmith, 1996; El-Naggar, 1990), sebaliknya berlumba-lumba menarik pelaburan asing dan mengatasi penghijrahan modal dengan membuka halangan-halangan ekonomi yang bersifat rigid dan nasionalis kepada pendekatan yang semakin liberal dan fleksibel (Jensen, 2006; Vogel & Kagan, 2004; UNCTAD, 2003; Przeworski & Wallerstin, 1988; Wilhems & Witter, 1998).

Perkembangan ke arah rejim liberalisasi yang meningkat secara meluas di sebahagian besar NSM ini adalah selaras dengan saranan WTO (1993) dan Bank Dunia (1997) yang mengesyorkan supaya negara-negara dunia memainkan peranan lebih demokratik, liberal dan transparan dalam mengurus makro ekonomi ke tahap yang lebih dinamik dan kondusif pelabur. Saranan ini telah diperkuatkan oleh beberapa hasil kajian politik pelaburan di NSM seperti pendapat golongan institusionalis yang menggesa penambahbaikan peranan institusi dan kerajaan melalui *rule of law*, harta intelek dan tadbir urus percukaian (Collier & Gunning, 1999), peningkatan ketelusan (Rosendorff & Kongjoo, 2011) serta pendemokrasian ekonomi dan pembentukan polisi 'mesra pelabur' (Jensen, 2006). Beberapa penulis lain seperti Stein dan Daude (2007) serta Buchanan, Le dan Rishi (2011) turut menghujahkan bahawa peningkatan arah aliran FDI di kebanyakan NSM adalah berhubung kait dengan kualiti institusi dan tadbir urus yang baik. Penegasan-penegasan seperti ini telah menyebabkan agenda liberalisasi pelaburan mula menjadi penekanan di kebanyakan negara membangun dalam strategi pertumbuhan ekonomi berteraskan FDI.

Selaras dengan perkembangan liberalisasi di peringkat global, Malaysia turut mengamalkan pendekatan yang semakin liberal dan fleksibel melalui reformasi struktural ekonominya (Abdul Rahman Embong, 2000). Selepas tahun 1994 dan beberapa krisis kemelesetan ekonomi dan kewangan dunia di sekitar 1997-1999 dan 2008-2009, lebih banyak langkah agresif ke arah pengliberalisasian pelaburan asing dilaksanakan negara sejajar dengan komitmen serta peningkatan penglibatannya dalam WTO, AFAS dan AEC (Urata, 1994; Chandran & Munusamy, 2009; WTO, 2005 & 2009; MITI, 2011). Beberapa langkah pengliberalisasian berkenaan termasuklah pengurangan kadar tarif berperingkat sehingga kosong peratus meliputi sejumlah 5,900 *tariff lines* di tahun 1995, seterusnya kepada 10,000 *tariff lines* (1998) dan 10,368 *tariff lines* pada tahun 2001 yang dilaksanakan sejajar dengan persetujuan Rundingan Uruguay 1995 (Anuwar Ali et al., 1998; Tham, 2004). Kerajaan juga telah membenarkan dasar pemilikan penuh ekuiti asing sejak tahun 2003, meliberalkan sejumlah 27 subsektor perkhidmatan awam kepada swasta sehingga 70 peratus bermula tahun 2008, mengurangkan kadar cukai korporat daripada 27 peratus kepada 25 peratus di tahun 2008, memberi perlanjutan taraf perintis sehingga maksimum 15 tahun, mewujudkan lebih banyak

kawasan bebas cukai (EEZ) serta meliberalisasikan perkhidmatan kewangan dan kredit negara selaras dengan kehendak global (MITI 2011; Malaysia, 2009; Mohammad Sharif & Zulkarnain, 2009; Tham, 2004). Pendekatan 'mesra pelabur' turut dilaksanakan dengan mengurangkan birokrasi dan rasuah, meningkatkan ketelusan, perlindungan ketat harta intelek (IPR), perolehan kerajaan, perjanjian jaminan pelaburan (IGA) dan penglibatan aktif kerajaan dalam dialong dengan swasta (WTO 2005; MITI 2011). Beberapa insentif baru dalam galakan pelaburan di sektor-sektor keutamaan dan teknologi tinggi turut dilaksanakan di samping peningkatan dalam perbelanjaan infrastruktur awam dan sumber manusia bertujuan mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif pelabur. Hasil dasar keterbukaan ekonomi yang agresif ini telah meletakkan Malaysia dalam kalangan 20 buah negara destinasi utama pelaburan asing dunia pada tahun 2010 (UNCTAD, 2009-2011). Berdasarkan statistik MITI (2010), terdapat lebih 3,000 buah syarikat multinasional (MNC) sektor pembuatan dari 60 buah negara melabur di Malaysia. Kemasukan syarikat-syarikat MNC ini dipengaruhi oleh kewujudan persekitaran perniagaan yang kondusif dan mesra pelabur (MITI 2010).

Persoalan utama di sebalik perkembangan dasar liberalisasi pelaburan asing yang dilaksanakan negara ialah sejauh manakah syarikat-syarikat multinasional selaku pelabur utama di negara ini menganggap dasar dan praktik FDI di Malaysia benar-benar liberal? Persoalan ini penting dibahaskan kerana minat pelaburan asing adalah terhadap negara-negara yang mengamalkan persekitaran ekonomi politik yang liberal, mesra perniagaan dan tidak *obsolescence* (Jensen 2003, 2006). Sebaliknya di pihak kerajaan, liberalisasi pelaburan asing dijalankan secara berhati-hati disebabkan faktor kebimbangan terhadap campur tangan pasaran yang berlebihan, kehilangan kedaulatan ekonomi dan kemungkinan tekanan sosio politik dalaman (OECD, 2002). Keadaan ini menyebabkan darjah liberalisasi yang diamalkan di kebanyakan negara berbeza-beza dan tidak semestinya memenuhi kehendak pelabur. Persoalan liberalisasi pelaburan asing di Malaysia juga penting dianalisis dari kaca mata MNC kerana beberapa pihak yang mewakili kepentingan MNC di negara ini seperti Pertubuhan Japan Machinery Center for Trade & Investment (JMCTI, 2010), U.S. Department of State Report, (2011) dan Doing Business in Malaysia (Country Commercial Guide for U.S. Companies, 2010) turut mengkritik strategi FDI Malaysia dari pelbagai aspek meliputi syarat masuk, amalan percukaian, tarif, pemindahan teknologi, pemilikan tanah, polisi alam sekitar, perburuhan, pemerolehan kerajaan, ekuiti dan perkongsian (JV). Kritikan di atas dapat dikaitkan dengan persoalan benarkah pendekatan FDI di Malaysia masih rigid sehingga memerlukan perubahan-perubahan teknikal dan struktural ke tahap yang lebih liberal?

Artikel ini menghuraikan persoalan di atas dengan meneliti penilaian syarikat MNC terhadap tujuh pembolehubah liberalisasi pelaburan asing di Malaysia iaitu praktik syarat masuk, polisi insentif dan percukaian, perburuhan dan perhubungan perusahaan, tadbir urus pelaburan, ekonomi domestik, sofistikasi sistem kewangan dan penyertaan antarabangsa. Dalam artikel ini, liberalisasi pelaburan dianggap rigid jika dipersepsikan MNC mempunyai pelbagai halangan teknikal atau struktural yang menjejaskan keupayaan pelabur dalam menikmati faedah dan kemudahan yang ditawarkan dalam ekonomi. Ini termasuklah pelbagai halangan berbentuk tarif dan bukan tarif seperti kesulitan perundangan dan prosedur bagi kemasukan, pengembangan dan pemerolehan faedah-faedah pelaburan. Pasaran rigid biasa dianggap sebagai pasaran campuran pro rejim di mana harga atau kos bagi barangan, perkhidmatan, upah (pendapatan), buruh, cukai

dan lain-lain ditentukan melalui mekanisme tetapan kerajaan bertujuan mengelakkan dominasi pasaran bebas (Shafaeddin, 2005).

METODOLOGI

Data bagi penulisan artikel ini diperoleh daripada tinjauan soal selidik ke atas 31 buah syarikat MNC di sektor pembuatan di Lembah Klang dan Pulau Pinang yang dijalankan antara Mac 2008 hingga September 2009. Proses pengumpulan data kajian telah dijalankan melalui dua kaedah utama iaitu tinjauan di syarikat MNC berkaitan dan pengisian borang soal selidik secara atas talian menggunakan platform SurveyMonkey.com. Responden yang dirujuk sebagai sampel kajian ialah individu yang dapat mewakili syarikat berasaskan peranan selaku pegawai kanan di bahagian pengurusan atau pentadbiran tertinggi syarikat (strategik atau taktikal). Ini meliputi jawatan Ketua Pengarah Eksekutif (CEO), Ketua Pengarah Operasi (COO), Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah/Pengurus Cawangan, Pegawai Perhubungan Awam atau lain-lain berpangkat pegawai.

Pemilihan syarikat MNC dalam kajian ini adalah berdasarkan satu senarai persampelan yang diperoleh daripada pihak Kementerian Industri dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITI) mengandungi 1,320 buah MNC yang melabur dari tahun 1986-2008. Dari jumlah berkenaan, 69.6 peratus telah dikeluarkan dari senarai persampelan kerana tidak mempunyai butiran perhubungan lengkap seperti e-mel, telefon dan fax serta terdapat industri yang telah menutup operasi, menukar status, berpindah atau telah diambil alih pihak lain serta mempunyai nilai pegangan ekuiti asing yang kecil kurang daripada 30 peratus. Hanya sejumlah 548 buah syarikat MNC telah dijadikan populasi sasaran kajian. Kesemua emel telah dihantar kepada syarikat-syarikat ini secara berperingkat dari 12hb. Mac 2008 hingga 7hb. September 2009. Dalam tempoh berkenaan, sejumlah 43 set borang soal selidik telah dijawab tetapi hanya sejumlah 22 set borang soal selidik lengkap diperoleh manakala bakinya dikeluarkan disebabkan masalah ketidaktepatan maklumat dan '*missing cases*' yang tinggi. Proses persampelan secara atas talian menghadapi permasalahan yang serius seperti e-mel yang tidak dibalas, e-mel tidak berfungsi (*returned email*), pengisian soal selidik yang tidak lengkap dan kesulitan proses komunikasi dan emel balas daripada pihak industri yang enggan terlibat sebagai sampel kajian.

Bagi mengimbangi kadar pulangan soal selidik yang rendah, tinjauan lapangan turut dijalankan antara bulan Mac hingga November 2008 di kawasan perindustrian Beranang, Bandar Baru Bangi, Nilai Industrial Estate, Pulau Indah Industrial Park dan Penang Free Zone (PFZ). Proses tinjauan soal selidik di lapangan melibatkan pengedaran sejumlah 74 set borang soal selidik berdasarkan kaedah pengisian secara *self-filling* dan hanya 9 set borang soal selidik lengkap diterima untuk dianalisis dalam kajian. Majoriti syarikat MNC enggan memberikan kerjasama walaupun hasil kajian ini telah dimaklumkan dapat memberi banyak manfaat kepada pihak industri. Salah satu masalah utama ialah kesukaran berhubung dengan pihak atasan syarikat kerana halangan teknikal dan birokrasi dalam pentadbiran organisasi.

Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini direka bentuk sendiri oleh pengkaji dan mengandungi sejumlah 55 item, meliputi tujuh konstruk utama iaitu praktik syarat masuk; polisi percukaian; perburuhan dan perhubungan perusahaan; tadbir urus pelaburan; ekonomi domestik; sofistikasi kewangan dan penyertaan antarabangsa. Pemilihan item-item dalam konstruk kajian adalah berdasarkan rujukan pengkaji terhadap beberapa sumber iaitu (i) semakan

literatur, (ii) pertimbangan ke atas indikator yang digunakan oleh WCY, WEF, dan WIPS serta (iii) penilaian sewajarnya ke atas saranan badan-badan dunia lain seperti WTO dan World Bank terhadap indeks daya saing utama pelaburan. Borang soal selidik yang direka bentuk juga mengumpul maklumat asas syarikat MNC yang dikaji seperti jenis aktiviti pengeluaran, ekuiti, negara asal pelabur, jumlah cawangan, jumlah tenaga buruh, faedah pelaburan diperolehi dan sama ada termasuk dalam industri keutamaan.

Kaedah pengukuran data bagi soalan-soalan melibatkan konstruk utama kajian adalah menggunakan skala Likert 7 peringkat di mana penilaian 1 mewakili sangat bermasalah atau rigid dan skor 7 mewakili sangat baik atau liberal. Penentuan sama ada pendekatan pelaburan asing di Malaysia bersifat rigid atau liberal dibuat berdasarkan statistik asas iaitu dengan merujuk kepada nilai-nilai purata dan sisihan piawai yang diperolehi. Bagi analisis setiap item, nilai titik tengah yang digunakan sebagai penentu rigid atau liberal adalah nilai 4 di mana skor purata di bawah nilai empat dianggap negatif / rigid sementara melebihi empat dianggap positif / liberal (memihak pasaran).

Kaedah *computation* terhadap sub-sub item menurut konstruk turut digunakan bagi menentukan hirarki atau pangkatan pemboleh ubah. Sementara penentuan keseluruhan sama ada praktik pendekatan pelaburan asing bersifat rigid atau liberal dihitung berdasarkan purata skor median (diwakili nilai 4) berdasarkan formula : $x = \frac{4 \times \sum n \times \sum(\text{sub item})}{\sum n}$, di mana 4 adalah skor purata, n= saiz sampel dan S.I = sub item/indikator. Ketekalan alat kajian sebagai indeks pengukur berdasarkan alfa Cronbach ialah 0.73 dan telah dipertingkatkan ke tahap 0.82 setelah beberapa item dengan nilai alfa di bawah 0.70 digugurkan (*item deleted*). Keseluruhan item yang dikekalkan dalam kajian ialah 55 item.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Latarbelakang Syarikat MNC

Jadual 1.0 memaparkan data lokasi 31 buah syarikat MNC yang terlibat dalam kajian. Kira-kira 74.2 peratus sampel diperolehi dari kawasan Lembah Klang sementara baki 25.8 peratus dari kawasan Pulau Pinang. Secara ringkas, kajian menunjukkan terdapat syarikat yang telah memulakan operasi sejak dari 1987 sehingga 2008 dengan taburan terbesar pada tahun 2001 dan 2005, masing-masing sebanyak 22.6 peratus. Kebanyakan syarikat MNC yang dikaji adalah syarikat dari Jepun (22.5 peratus), diikuti Jerman dan Singapura (masing-masing 12.9 peratus), manakala selebihnya dari Amerika Syarikat, Australia, Korea, Taiwan, Kanada, Finland, New Zealand dan Belanda. Sejumlah 45.2 peratus ialah syarikat pembuatan Elektrik & Elektronik (E&E) dan selebihnya industri kertas, percetakan dan pembungkusan (22.6 peratus), pemprosesan makanan (16.1 peratus), Petrokimia & Polimer (9.68 peratus) dan peralatan Perubatan (6.45 peratus).

Jadual 1.0: Lokasi MNC yang disampel dalam kajian (n=31)

Kawasan	Lokasi	Bilangan	Peratus
Kawasan Lembah Klang (n=23)	Kawasan perindustrian Balakong	1	3.2
	Kawasan Perindustrian B.B. Bangi	2	6.5

	Cheras Jaya Industrial Park	1	3.2
	Taman Maluri, Kuala Lumpur	1	3.2
	Nilai Industrial Estate	2	6.5
	Oakland Industrial Park Seremban	1	3.2
	Pulau Indah Industrial Park Selangor	3	9.7
	Rawang Industrial Estate	1	3.2
	Pekan Semenyih, Selangor	1	3.2
	Kawasan Perindustrian Serdang	1	3.2
	Kawasan perindustrian Shah Alam &U5	8	25.8
	Taman Puchong Industrial Park	1	3.2
Pulau Pinang (n=8)	Bayan Lepas (<i>Penang Free Zone</i>)	8	25.8
	Jumlah	31	100.0

Daripada segi pemilikan ekuiti, 74.2 peratus MNC dimiliki sepenuhnya oleh pelabur asing dan hanya sejumlah kecil iaitu 3.2-6.5 peratus dibentuk berasaskan perkongsian (*Joint Venture-JV*) dengan syarikat tempatan dengan syer ekuiti melebihi 30 peratus. Kebanyakan syarikat yang dikaji adalah bersaiz sederhana berdasarkan bilangan pekerja yang dilaporkan di mana 32.3 peratus menggaji sekitar 201-500 pekerja. Walaupun demikian terdapat 22.6 peratus menggaji sejumlah 501-700 orang pekerja, 12.9 peratus menggaji lebih dari 2,000 orang pekerja dan 9.7 peratus menggaji sekitar 1501-2,000 pekerja. Hanya sejumlah kecil syarikat iaitu 19.4 peratus menggaji pekerja kurang dari 200 orang. Syarikat-syarikat yang menyerap lebih daripada 300 pekerja boleh dianggap sebagai firma bersaiz besar manakala syarikat yang mempunyai antara 30-299 pekerja adalah syarikat bersaiz sederhana dan kurang dari 30 pekerja sebagai syarikat bersaiz kecil (Anuwar Ali et.al., 1998:106). Sejumlah 90.3 peratus syarikat MNC yang dikaji menyatakan mereka tergolong sebagai industri keutamaan (*promoted/targetted industry*) dengan sejumlah 25.9 peratus sedang menikmati status Taraf Perintis (PS). Sejumlah 71.0 peratus mempunyai lebih dari sebuah cawangan atau kilang di negara ini sementara baki 29.0 peratus hanya mempunyai sebuah syarikat atau cawangan. Kewujudan cawangan yang banyak memperlihatkan bahawa rata-rata syarikat MNC ini telah mengalami proses pengembangan pelaburan yang dijalankan di Malaysia.

Penilaian MNC Terhadap Liberalisasi Pelaburan Asing: Rigid atau cukup Liberal?

Berdasarkan Jadual 2.0, kajian mendapati sejumlah 26 daripada 55 indikator telah dinilai secara positif (skor purata melebihi 4.0 mata) sementara baki 29 indikator lagi mendapat penilaian secara negatif (di bawah 4.0 mata).

JADUAL 2.0: Deskriptif penilaian MNC terhadap praktik liberalisasi pelaburan asing di Malaysia (N=31)

Konstruksi	Indikator	Kadar Respon (%)	Skor Purata	S.P	Tafsiran
Entri (8)	Prosedur / syarat masuk pelaburan	100	5.39	.599	Positif
	Syarat kelulusan lesen perniagaan	100	5.19	.477	Positif

	Kebebasan memilih lokasi pelaburan	93.5	5.29	.824	Positif
	Garis panduan pelaburan	100	5.32	.558	Positif
	Layanan agensi mengurus pelaburan	100	5.06	.772	Positif
	Polisi Jaminan Keselamatan Pelaburan (IGA)	97.0	5.13	1.02	Positif
	Rundingan / tawar menawar pelaburan	90.3	5.03	.752	Positif
	Syarat pemindahan / pembatalan pelaburan	90.3	4.35	.915	Positif
Praktik insentif & Percukaian (9)	Proses mendapat / menikmati taraf perintis, 5-15 th.	100	3.45	1.20	Negatif
	Prosedur mendapat / menikmati pemberian ECP	100	3.84	.934	Negatif
	Proses / prosedur tuntutan ECPS (60 -100%)	100	3.55	.810	Negatif
	Proses / prosedur menikmati ECPST	100	3.52	.890	Negatif
	Prosedur pemberian elaun cukai <i>pre-packaged</i>	81.0	3.29	.693	Negatif
	Prosedur tuntutan elaun cukai lain (infra, Industri-link)	87.1	3.65	.839	Negatif
	Penetapan & pengurusan kadar tariff (import)	87.1	3.39	.882	Negatif
	Penetapan & pengurusan kadar tariff (eksport)	87.1	3.26	.631	Negatif
	Kadar cukai korporat vis-a-vis kadar global	100	3.87	.806	Negatif
Perburuhan dan perhubungan perusahaan (8)	Syarat / peraturan 'kondisi kerja minimum'	100	4.32	.748	Positif
	Pembuangan kerja semasa krisis ekonomi	87.1	4.32	.832	Positif
	Kawalan suasana perhubungan perusahaan (umum)	100	4.19	.792	Positif
	Kawalselia kegiatan kesatuan sekerja nasional	87.1	3.68	1.01	Negatif
	Kawalselia kilangan dan pemeriksaan, <i>decent work</i>	90.3	3.20	.921	Negatif
	Dasar pengambilan buruh asing (termasuk ekspatriat)	97.0	2.87	.806	Negatif
	Dasar upah berlandaskan kehendak pasaran	100	3.29	1.03	Negatif
	Darjah pemihakkan (<i>favoritism</i>) kerajaan terhadap buruh	84.0	3.32	.748	Negatif
Tadbirurus pelaburan (8)	Darjah birokrasi dalam pentadbiran agensi pelaburan	100	3.06	.929	Negatif
	Pendirian kerajaan dalam Dialog Kerajaan-Swasta (GPSD)	100	3.19	.792	Negatif
	Konsistensi positif polisi pelaburan	100	3.55	.810	Negatif
	Kawalan korupsi sektor industri	97.0	2.74	.682	Negatif
	Langkah mempermudah tadbirurus kegiatan pelaburan	97.0	3.97	.568	Negatif
	Pengluasan kawasan zon eksklusif ZEE /FTZ/EPZ	87.1	4.26	1.26	Positif
	Penyediaan kemudahan sokongan pelabur	87.1	4.19	.946	Positif
	Kestabilan sistem kerajaan bagi pelaburan	97.0	4.19	.833	Positif
Ekonomi Domestik (9)	Syarat kandungan bahan tempatan dalam keluaran	100	4.13	.957	Positif
	Syarat ekuiti asing yang dibenarkan – 1 hingga 100%	100	6.42	.502	Positif
	Kebebasan persaingan modal asing vs. tempatan	90.3	5.03	.836	Positif
	Darjah keterbukaan pasaran domestik kepada pelabur	97.0	4.03	.836	Positif
	Dasar kepenggunaan barangan asing vs. tempatan	97.0	4.68	.748	Positif
	Dasar pemindahan teknologi pelaburan (mesin, kepakaran)	90.3	3.58	.886	Negatif
	Mekanisme kawalan inflasi	100	3.03	.912	Negatif
	Kemantapan / ketersediaan 'local suppliers'	77.4	2.87	.957	Negatif
Darjah keterbukaan pasaran keseluruhan	97.0	4.45	1.02	Positif	
Sofistifikasi kewangan (7)	Pendirian / dasar bank negara dalam tadbirurus kewangan	90.3	3.87	.718	Negatif
	Praktik kadar tukaran asing	77.4	3.87	.763	Negatif
	Penetapan kadar bunga / faedah oleh bank-bank	77.4	3.90	.870	Negatif
	Kesediaan bank melaksanakan regulasi/deregulasi	93.5	3.77	.990	Negatif
	Kawalselia aliran masuk modal asing	81.0	4.10	.870	Positif
	Kebebasan memindah keuntungan ke luar negara	90.3	4.58	.958	Positif
	Aksesibiliti kepada pinjaman bank-bank tempatan	87.1	4.10	.790	Positif
Penyertaan antarabangsa (6)	Ratifikasi perjanjian perdagangan bebas (e.g.AFTA)	84.0	4.03	.912	Positif
	Konsistensi dasar pelaburan dengan dasar WTO	87.1	3.97	.948	Negatif
	Pematuhan standard kualiti dunia untuk eksport	87.1	4.16	.934	Positif
	Penguatkuasaan hak harta intelektual (IPR- TRIPs)	90.3	3.26	1.15	Negatif
	Pelaksanaan / kuat kuasa polisi <i>Anti-dumping</i>	97.0	3.42	1.05	Negatif
	Kuat kuasa polisi kualiti alam sekitar dan keselamatan	100	4.52	1.02	Positif

Berdasarkan Jadual 2.0, kesemua indikator berkaitan layanan masuk / entri pelaburan seperti prosedur atau syarat masuk, garis panduan pelaburan, memilih lokasi, kelulusan lesen perniagaan dan selanjutnya dinilai secara positif oleh MNC. Dapatan yang positif dalam faktor-faktor prosedur layanan masuk/entri menunjukkan liberalisasi pelaburan yang dilaksanakan kerajaan di peringkat entri adalah memuaskan pelabur. Penemuan ini konsisten dengan usaha-usaha yang dijalankan kerajaan dalam mempermudah kemasukan FDI ke Malaysia melalui pendekatan perundingan politik pelaburan, kempen yang agresif di luar negara, penglibatan dalam perundingan kerajaan-Swasta (GPSD), peningkatan pemeterian perjanjian bilateral dan multilateral, jaminan pelaburan (IGA) serta langkah-langkah mempermudah syarat masuk FDI, termasuk langkah pembatalan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) pada tahun 2008.

Sebaliknya, bagi pembolehkan kedua iaitu praktik polisi insentif dan percukaian, penilaian MNC terhadap kesemua sembilan indikator adalah negatif. Penemuan ini menggambarkan bahawa perkara-perkara seperti proses bagi mendapat atau menikmati taraf perintis (PS) serta syarat prosedur dalam menuntut dan menikmati faedah elaun percukaian yang layak seperti Elaun Cukai Pelaburan (ECP), Elaun Cukai Pelaburan Semula (ECPS), Elaun Cukai Pelaburan Semula Terkumpul (ECPTS), *pre-packaged*, cukai-cukai lain, penetapan kadar cukai bahan mentah, cukai eksport dan cukai korporat masih lagi dianggap rigid oleh pelabur. Keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun dasar-dasar insentif dan percukaian pelaburan dinegara ini adalah menarik, namun prosedur menikmati faedah-faedah berkenaan masih belum memuaskan hati pelabur. Sebagai contoh, pemberian Taraf Perintis (PS) kepada sesebuah syarikat MNC ditentukan oleh beberapa kriteria pihak MITI seperti keperluan tersenarai dalam kumpulan industri keutamaan, pembuktian menjalankan aktiviti '*promoted industry*' sebelum layak memohon sijil PS, pengambilan pekerja yang ramai melebihi 500 orang atau berdasarkan syarat 7 peratus pekerja bergraduat serta perlu memenuhi syarat 80 peratus keluaran eksport (Global Tax & Business, 2011; WTO, 2005; U.S. Department of State Report, 2011). Pemberian sijil PS juga bukan automatik tetapi tertakluk kepada syarat keperluan pengeluaran (*production fulfillment*) dan prestasi eksport selain hanya diberi secara berkala setiap lima tahun (MIDA, 2010). Industri yang memperoleh PS juga tidak bebas sepenuhnya daripada keperluan membayar cukai korporat kerana pengecualian cukai hanya diberi ke atas 70 peratus pendapatan statutori sementara baki 30 peratus boleh dikenakan cukai pada kadar tertentu dari kosong hingga 100 peratus. Selain itu, mana-mana perolehan dalam bentuk *trading income* iaitu bukan dari kegiatan keutamaan dikenakan cukai sepenuhnya (Global Tax & Business, 2011; WTO, 2005). Pelaburan asing dalam sektor bukan keutamaan pula berhadapan layanan birokrasi yang rigid dalam mendapatkan kelulusan daripada pelbagai badan perundangan (U.S. Department of State Report, 2011).

Daripada aspek cukai dan tariff import, pandangan MNC yang rigid boleh dikaitkan dengan masalah *harmonized system* (HS) dengan pihak kastam kerana walaupun Malaysia telah melaksanakan penurunan tariff secara progresif melibatkan 10,368 *tariff lines*, namun sehingga tahun 2001, hanya 58.3 peratus daripada keseluruhan tariff berkenaan adalah bebas cukai (Tham, 2004). Kadar cukai korporat di Malaysia walaupun telah dikurangkan ke tahap 25 peratus masih tinggi secara relatif berbanding di beberapa negara pesaing seperti Singapura dan Hong Kong yang hanya mengenakan kadar 15 peratus (MIER, 2010). Beberapa permasalahan di atas telah menyebabkan banyak syarikat MNC gagal menikmati faedah insentif dan percukaian yang

ditawarkan secara maksimum sehingga penawaran insentif percukaian dan pengurusannya dianggap rigid atau tidak mesra pelabur.

Dalam pembolehubah berkaitan praktik perburuhan dan perhubungan perusahaan, penilaian MNC menunjukkan hasil yang bercampur-campur dengan sejumlah tiga item adalah positif dan lima negatif. Penilaian yang positif adalah berkaitan liputan perjanjian kondisi kerja minimum, fleksibiliti dalam prosedur pembuangan kerja sewaktu krisis dan kawalan suasana perhubungan perusahaan umum. Indikator dengan penilaian negatif pula ialah berkaitan cara kawalselia kegiatan kesatuan sekerja nasional, kawalselia kilanan dan pemeriksaan *decent work*, penetapan dasar upah menurut pasaran, *favoritism* kerajaan terhadap buruh dan dasar pengambilan buruh asing (termasuk ekspatriat). Terdapat pelbagai faktor boleh dikaitkan dengan penilaian negatif MNC berhubung aspek perburuhan dan perhubungan perusahaan di atas seperti kewujudan masalah kekurangan buruh yang kritikal bagi sesetengah industri pembuatan, terutamanya selepas krisis ekonomi global 1997-1999 dan krisis hutang Eropah 2008-2009 yang tidak disusuli dengan dasar import buruh yang setimpal. Misalnya, langkah kerajaan mewajibkan pengambilan sijil latihan vokasional (MNVTC) sebagai syarat asas permohonan visa pekerja asing sejak 4hb. Disember 2003 telah mengetatkan lagi proses kemasukan buruh asing dari China-PRC, Vietnam, Bangladesh, Pakistan dan Sri Lanka (JMCTI, 2011). Dasar pendaftaran dan pengusiran pekerja asing tidak sah yang dikuatkuasakan pada 29 Oktober 2004 hingga 28 Februari 2006 pula telah menyebabkan 380,000 pekerja asing dihantar kembali ke negara asal sehingga menimbulkan pelbagai kesukaran ke atas syarikat asing. Pengetatan dasar buruh asing juga dilihat dalam beberapa langkah lain seperti pengumuman pembekuan pengambilan buruh asing dalam semua sektor pembuatan pada Januari 2009 dan syarat baru menduduki sijil latihan vokasional di negara asal sebelum memohon Visa di Malaysia yang dikuatkuasakan pada September 2009. Selain itu, jumlah pengambilan ekspatriat di Malaysia adalah terhad dan bergantung pada faktor modal pelaburan dan saringan kepakaran dalaman seperti termaktub dalam “DP10 Ekspatriat Post Application Form” (Business Opportunities in Malaysia, 2004; JMCTI, 2011; MITI, 2011).

Selain di atas, perundangan buruh di Malaysia juga masih dianggap ketat dan membebakan pelabur di dalam beberapa perkara seperti prosedur upah, penamatan kerja, jam kerja, elaun cuti dan pemeriksaan berkaitan *decent work*. Ketakpuashatian pelabur ini dapat dilihat juga dalam Survey oleh The Japanese Chamber of Trade & Industry, Malaysia (JACTIM) pada 2006 yang mendapati kos personel dalam firma-firma pembuatan Jepun di negara ini meningkat pada kadar yang tinggi antara tahun 2004-2006 iaitu sekitar 5.2 peratus bagi pekerja pengurusan dan sekitar 4.4 peratus bagi bukan pengurusan dan bawahan (JACTIM, 2006). Bagi pelabur Jepun, peningkatan kos personel (upah) ini diperburukkan dengan masalah kos lain berkaitan akta, antaranya peruntukkan cuti berbayar bagi cuti umum, cuti tahunan, cuti perubatan, cuti bersalin, cuti berkaitan keagamaan dan insuran pekerja (JACTIM, 2006; JMCTI, 2011). Desakan berkaitan pengenalan dasar upah minimum oleh Malayan Trade Union Congress (MTUC) dan pihak-pihak berkepentingan termasuk parti politik juga boleh dilihat sebagai suatu bentuk kerigidan pasaran. Walaupun dasar upah minimum belum lagi terlaksana di Malaysia, mekanisme upah berasaskan tetapan kerajaan seperti Productivity Link Wages System (PLWS) telah dilaksanakan dan digalakkan beberapa tahun selepas dasar Reformasi Upah 1996 (Palianappan, 2007). Sebahagian perkara ini telah menjejaskan penilaian MNC yang dikaji terhadap pendekatan liberalisasi perburuhan dan perhubungan perusahaan di Malaysia.

Bagi pembolehubah tadbirurus pelaburan, dapatan menunjukkan lima indikator mendapat penilaian negatif dan tiga positif. Item-item negatif adalah kerigidan berkaitan amalan birokrasi dalam pentadbiran agensi kerajaan, pendirian kerajaan dalam perundingan / dialog sektor kerajaan-swasta, konsistensi positif polisi pelaburan asing, kawalan korupsi dan langkah yang diambil kerajaan dalam mempermudah urusan kegiatan pelaburan. Penilaian negatif berkaitan aspek tadbir urus pelaburan menunjukkan terdapat syarikat MNC berhadapan masalah teknikal dan pengurusan dengan agensi-agensi kerajaan yang mengurus pelaburan serta memerlukan penambahbaikan dilakukan. Satu contoh yang memperlihatkan permasalahan ini ialah seperti terkandung dalam Laporan *Consultative Mechanisms and Economic Governance in Malaysia* oleh World Bank (1999:16) yang menggariskan beberapa kelemahan teknikal dalam pengurusan pelaburan meliputi isu birokrasi, korupsi, *transparency, consistency and predictability of legislation and procedures* di samping masalah pengharmonian standard cukai kastam dan peranan kastam dalam AFTA. Permasalahan komunikasi, kelewatan persetujuan dan kelewatan bertindak di pihak kerajaan dalam aspek-aspek berkaitan tadbir urus pelaburan khususnya menyentuh langkah-langkah ke arah pengliberalisasian ekonomi dapat dilihat dalam beberapa laporan lain seperti dialog FTA, GPSD, JBCTIF dan JMCTI.

Bagi pembolehubah ekonomi domestik, kebanyakan penilaian MNC adalah positif dengan enam daripada sembilan indikator mendapat skor purata melebihi 4.0 mata. Ini meliputi penetapan syarat kandungan bahan tempatan, syarat ekuiti asing, kebebasan persaingan modal asing lwn. modal tempatan, dasar kepenggunaan barangan asing dan keterbukaan ekonomi domestik keseluruhan yang dianggap di tahap yang liberal. Penilaian MNC hanya negatif dalam praktik berkaitan syarat dasar pemindahan teknologi, langkah kawalan inflasi dan penyediaan suatu sistem jaringan industri (*local suppliers*) yang mantap. Penilaian yang negatif berkaitan syarat pemindahan teknologi boleh dikaitkan dengan syarat penyediaan latihan kemahiran pekerja, masalah *job hoping* yang tinggi yang menyukarkan proses pemindahan teknologi dan masalah berkaitan ketakpuasan tuntutan kadar elaun percukaian berkaitan teknologi selepas industri menaiktaraf infrastruktur pelaburan meliputi bangunan dan mesin (JMCTI, 2011). Kewujudan Technology Transfer Agreement (TTA) sejak 1970an yang mensyaratkan keperluan pemindahan teknologi menerusi pelbagai perjanjian seperti perjanjian teknikal dan 'know how', lesen dan 'trademark' serta 'turnkey project' turut memberi masalah, khususnya kepada sektor pembuatan elektrik dan elektronik (Rasiah 1998). Mekanisme kawalan inflasi di Malaysia juga masih perlu diperbaiki kerajaan, khususnya melalui peranan Bank Negara bagi mengelakkan peningkatan berterusan indeks harga pengguna yang boleh menjejaskan kos pengeluaran, persaingan harga produk dan paras upah dalam pasaran (Sivalingam, 2011). Pandangan negatif terhadap kelemahan jaringan industri pula boleh dikaitkan dengan pelbagai faktor seperti dasar ekonomi Malaysia yang terlalu mengutamakan penglibatan 'bumiputera' dalam aspek perburuhan, ekuiti, *joint venture*, pengagihan projek kerajaan dan perolehan yang melemahkan daya saing pelabur asing dalam mewujudkan perkongsian ekonomi, penyumberluaran dan pengembangan teknologi.

Bagi pembolehubah sofistikasi sistem kewangan, data menunjukkan terdapat empat indikator diberi penilaian negatif oleh syarikat MNC iaitu dasar sikap / pendirian bank negara berhubung tadbir urus kewangan, praktik kadar tukaran asing, mekanisme penetapan kadar bunga dan kesediaan bank melaksanakan regulasi dan deregulasi sistem kewangan. Dalam tiga

aspek yang lain iaitu kawalselia aliran masuk modal asing, kebebasan memindah keuntungan ke luar negara dan aksesibiliti kepada pinjaman bank tempatan, pandangan MNC secara keseluruhan adalah positif. Penilaian negatif dalam beberapa perkara menunjukkan terdapat keadaan di mana pendekatan yang dilaksanakan kerajaan, khususnya oleh Bank Negara tidak memenuhi cita rasa pelabur seperti langkah tambatan ringgit semasa kegawatan, sekatan terhadap penarikan modal asing, dasar kadar faedah, kawalan terhadap pelaburan sektor perbankan asing di bawah BAFIA dan keengganan Bank Negara melakukan regulasi atau deregulasi berdasarkan saranan badan kewangan antarabangsa seperti dalam krisis kewangan 1995-1997 (U.S. Department of State Report, 2011). Walaupun begitu, Malaysia secara amnya masih boleh dianggap sebagai negara *non tariff barriers* daripada segi polisi perbankan (Laporan dialog Malaysia –USFTA, 2006).

Dalam pembolehubah terakhir yang berkaitan penyertaan antarabangsa, data menunjukkan masing-masing tiga indikator adalah positif dan negatif. Praktik FDI yang positif ialah penglibatan dan ratifikasi Malaysia terhadap perjanjian perdagangan bebas, pematuhan standard kualiti dunia bagi barangan eksport Malaysia dan polisi kualiti alam sekitar dan keselamatan. Penilaian negatif MNC adalah dalam indikator berkaitan keselarasan dasar-dasar pelaburan Malaysia dengan kehendak komuniti perdagangan dunia (khususnya WTO, World Bank), penguatkuasaan harta intelek (IPR) dan pelaksanaan polisi anti perlambakan (*anti-dumping*) yang secara keseluruhannya dianggap masih lemah dan bermasalah. Bagi IPR dan anti perlambakan, keadaan ini boleh dikaitkan dengan dasar sikap Malaysia yang masih mengekalkan Standard Minimum Perlindungan Harta Intelek dalam Perjanjian TRIPs (Agreement on Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights) (Laporan Dialog Malaysia –USFTA, 2006). Keadaan ini menyebabkan liputan IPR dan anti-lambakan di Malaysia tidak menyeluruh berbanding pednekatan diamalkan di PRC, Hong Kong dan Taiwan (JMCTI, 2011).

Secara keseluruhan, Jadual 3 menunjukkan ringkasan hasil penilaian MNC terhadap praktik pendekatan pelaburan asing di Malaysia sama ada liberal atau rigid berdasarkan penggabungan indikator-indikator kajian. Didapati skor purata tertinggi disumbangkan oleh kombinasi faktor-faktor layanan masuk sebanyak 45.03 mata, disusuli oleh pembolehubah faktor-faktor ekonomi domestik (38.22 mata), perhubungan perusahaan (30.00 mata), pelaksanaan insentif dan percukaian (28.35 mata), sofistifikasi kewangan (28.19 mata), kerajaan dan tadbir urus pelaburan (27.51 mata) dan penyertaan antarabangsa (23.85 mata).

JADUAL 2: Perbandingan deskriptif keseluruhan penilaian MNC terhadap praktik pendekatan pelaburan asing di Malaysia

Praktik Pendekatan Pelaburan	Bil. Sub item	Sisihan Piawai	Rank Purata	Cut point (skor median)	Tafsiran
Syarat masuk /entri Ekonomi domestik	9	4.370	45.03	36.00	Liberal
Perburuhan & Perhubungan Perusahaan	8	5.033	30.00	32.00	Rigid
Insentif & percukaian	9	4.827	28.35	36.00	Rigid
Sofistifikasi kewangan	7	4.126	28.19	28.00	Liberal
Tadbirurus pelaburan	9	4.794	27.51	36.00	Rigid
Penyertaan Antarabangsa	6	3.764	23.85	24.00	Rigid

Berdasarkan skor purata median yang diperolehi, tiga konstruk yang dapat dianggap cukup liberal oleh MNC ialah praktik layanan masuk (entri), keadaan ekonomi domestik dan sofistikasi kewangan sementara praktik pelaburan yang bermasalah atau rigid adalah perhubungan perusahaan, polisi insentif dan percukaian, tadbir urus pelaburan dan penyertaan antarabangsa.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Berdasarkan perkembangan liberalisasi pelaburan asing di Malaysia, terdapat banyak langkah proaktif telah dilakukan kerajaan ke arah meliberalisasikan pendekatan pelaburan asing khususnya sejak 1990an hingga kini. Walaupun begitu, berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, liberalisasi pelaburan ini masih perlu diperbaiki khususnya dalam aspek yang mendapat penilaian negatif seperti perburuhan atau perhubungan perusahaan, insentif dan percukaian, tadbir urus pelaburan dan penyertaan antarabangsa. Berdasarkan penemuan, aspek yang paling banyak memerlukan penambahbaikan adalah pengurusan insentif dan percukaian serta tadbir urus pelaburan, sementara aspek yang memerlukan sedikit penambahbaikan adalah praktik perhubungan perusahaan dan penyertaan antarabangsa. Keperluan bagi saranan penambahbaikan ini secara umumnya adalah sejajar dengan kritikan pihak-pihak berkepentingan seperti laporan hasil dialog Malaysia-USFTA (2006) yang menyifatkan masih terdapat beberapa halangan dalam pelaksanaan '*transparency in government*' dan tadbirurus khususnya dalam perkara berkaitan *rule of law*, halangan institusional dan keperluan pendekatan mesra pelabur.

Keperluan bagi meneliti kembali dasar liberalisasi pelaburan ke tahap optimum ini juga telah disarankan oleh sarjana seperti pendapat Chandran dan Munusamy (2007) yang mengatakan terdapat bukti empiris bahawa keterbukaan menyumbang kepada pertumbuhan sektor pembuatan. Ia juga sejajar dengan pandangan Buchanan, Le dan Rishi (2011) dalam kajian di 169 buah negara yang mendapati pertumbuhan FDI adalah dipengaruhi secara signifikan oleh kualiti institusional yang kemudiannya menggesa kerajaan memperbaiki faktor-faktor persekitaran makroekonomi menurut rubrik yang luas. Jensen (2003, 2006) juga telah membahaskan keperluan ini dengan menyarankan pembentukan polisi mesra pelabur dan amalan ekonomi politik yang transparan dan demokratik. Berdasarkan dapatan kajian, pandangan MNC yang negatif dalam beberapa perkara yang dinyatakan memerlukan penglibatan aktif pemerintah dalam meneliti, mengkaji dan melaksanakan perubahan bersesuaian ke tahap liberalisasi ekonomi yang lebih baik. Perkara ini penting kerana pengalaman MNC dalam menjalankan pelaburan di sesebuah negara adalah penentu kepada keputusan untuk meneruskan atau menghentikan pelaburan dalam jangka panjang. Kelemahan daya saing relatif dan kewujudan rasa ketidakpuashatian pelabur terhadap pendekatan ekonomi politik pelaburan yang dipraktikkan boleh mengurangkan minat pelabur dan seterusnya pengaliran keluar modal asing.

Walaupun demikian, selaku sebuah negara yang mengutamakan kesejahteraan penduduk dan ekonomi dalaman, negara juga perlu memainkan peranannya secara bijak dan berhati-hati dalam mempertahankan nasionalisme ekonominya dan objektif pembangunannya di sebalik usaha-usaha pertumbuhan berasaskan liberalisasi ekonomi yang dijalankan. Hal ini adalah kerana liberalisasi ekonomi yang terlalu terbuka walaupun dapat mempertingkatkan pertumbuhan tidak semestinya dapat menjamin pencapaian matlamat kesaksamaan, ekuiti dan pembangunan jangka panjang negara. Negara juga perlu mengutamakan kebajikan rakyat dan tidak bertindak sebagai alat yang boleh dimanipulasi oleh kuasa pasaran melalui desakan-

desakan liberalisasi. Keadaan ini bersesuaian dengan pandangan golongan institusionalis yang menyarankan bahawa di sebalik strategi liberalisasi dan pendekatan mesra pasaran, negara perlu memainkan peranannya secara berkesan sebagai pereka (*designer*), penerus (*defender*) dan pengubah (*reformer*) dasar-dasar ekonomi politik dalam konteks yang luas dan tidak tunduk sepenuhnya kepada kehendak dan peranan pasaran. Perkara ini penting kerana menurut Stiglitz (2002), pengalaman liberalisasi ekonomi dan modal di kebanyakan negara membangun telah diuruskan dengan cara yang teruk kepada pencapaian ekonomi dalaman dan kesaksamaan sosial dalam masyarakat.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong (ed). 2000. *Negara Pasaran dan Permodenan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amiti, M. & Wakelin, K. 2003. Investment liberalisation and international trade, *Journal of International Economics*, 61, 101-126.
- Anuwar Ali, Nor Aini Idris & Hasnah Ali 1998. *Pensejagatan Dan Pembangunan Industri di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Buchanan, B., Le. Q.V. & Rishi, M. 2010. *Crisis to Crisis: FDI Redux*. Siri Kertas Kerja Social Science Research Network. Akses atas talian pada 30 November 2011 di <http://ssrn.com/abstract=1616004>
- Business Opportunities in Malaysia , Tokyo, Japan Monday 4 August. 2003. Akses atas talian 20. Disember 2010 di http://www.miti.gov.my/cms/content.jsp?id=com.tms.cms.article.Article_158aa4d7-7f000010-5e095e09-89acc143
- Chandran, V.G.R. & Munusamy. 2009. Trade Openess And Manufacturing Growth In Malaysia, *Journal of Policy Modelling*, 31, 637-647.
- Collier P. & Gunning, J.W. 1999. Explaining African Economic Performance. *Journal Of Economic Literature*, XXXVII (1), 64-111.
- Consultative Mechanisms and Economic Governance in Malaysia* – World Bank Private Sector Development Department, Occasional.Paper no 38, September 1999, p16.
- Doing Business in Malaysia*. 2010. Country Commercial Guide for U.S. Companies.International Copyright, U.S. & Foreign Commercial Service And U.S. Department Of State.
- Economic Times*. 2011. http://articles.economictimes.indiatimes.com/2011-11-14/news/30397608_1_foreign-investment-industries-supply-chain
- El-Naggar, S. 1990. Investment Policies in the Arab Countries: The Basic Issues. Dlm. S. El-Naggar (ed), *Investment Policies in the Arab Countries*, ms 3-18. Washington D.C.: International Monetary Fund.

- Frieden, J. 2006. *Will Global Capitalism Fall Again? Bruegel essay and lecture series*. Brussels, June 2006.
- Global Tax Business. 2011. Malaysia Information: Low-Tax And Incentive Regimes. Aksesatastalian, 21. November 2011 di <http://www.lowtax.net/lowtax/html/offon/malaysia/malhom.html>
- Hezberg, B. & Wrighti, A. 2010. Building And Maintaining Public-Private Dialogue To Improve The Investment Climate: A Resource Drawn From The Review of 40 Countries' Experiences. *Consultative Mechanisms and Economic Governance in Malaysia – World Bank Private Sector Development Department, Occasional Paper no 38, September 1999*, p16.
- Janeba, E. 2004. Global Corporations and Local Politics: Income Redistribution vs. FDI Subsidies, *Journal of Development Economics*, 74, 367-391.
- Japan Business Council for Trade and Investment Facilitation. 2010. *Issues and Requests relating to Foreign Trade and Investment in Malaysia*. Akses atas talian pada 11 November 2011 di http://www.jmcti.org/cgi-bin/list_cat_e.cgi?code=113
- Japan Machinery Center fo Trade and Investment (JMCTI)*. 2010. Akses atas talian pada Jun 2010 di http://jmcti.org/jmchomepage/english/JMC_activities/index.htm#1
- Japanese Chamber of Trade and Industry, Malaysia (JACTIM)*. <http://www.jactim.org.my/>
- Jensen, M.N. 2003. Democratic Governance and Multinational Corporations: Political Regimes and Inflows of Foreign Direct Investment, *International Organization*, 57 (Summer), 587–616.
- Jensen, M.N. 2006. *Nation-States and the Multinational Corporation: A Political Economy of Foreign Direct Investment*. Princeton, New Jersey: Princeton University Press.
- Li, X. & Liu, X. 2005. Foreign Direct Investment and Economic Growth: An Increasingly Endogenous Relationship, *World Development*, 33 (3), 393-407.
- Malaysia. 2009. *Economic Report 2007/2008*. Kuala Lumpur: Ministry of Finance.
- Mander, J. & Goldsmith, E. 1996. *The Case Against the Global Economy*. San Francisco: Sierra Club Books.
- MIER. 2010. *Laporan National Economic Outlook Conference 2010-2011*, <http://www.mier.org.my/conference/archives/000059.html>.
- MIDA. 2010. What investors says, di <http://www.mida.gov.my>.
- MITI. 2011. Laman sawang rasmi, <http://www.miti.gov.my/cms/index.jsp?whichSite=MITI>.

- Mohammad Sharif Karimi & Zulkornain Yusop. 2009. FDI and Economic Growth in Malaysia. *MPRA Paper*, No. 14999. Akses Online pada 21 November 2011 di <http://mpra.ub.uni-muenchen.de/14999/>.
- Palaniappan Joseph. 2007. Performance Linked Wage System. *The Malaysia Labour Review*, 2007. National Institute of Human Resource Ministry of Human Resources, Malaysia.
- Przeworski, A. & Wallerstein, M. 1988. Structural Dependence of the State on Capital. *American Political Science Review*, 82 (1), 11-29.
- Rizaudin, Mohd Saharudin & Zairy. 2003. Pertumbuhan Pacuan Pelaburan Langsung Asing: Ujian Sebab-Menyebab di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 37, 81 – 102
- Rodriguez, C.A. 2010. *On the Degree of Openness of an Open Economy*, Paper Universidad del CEMA, Buenos Aires, Argentina.
- Rosendorff, B.P. & Konjoo Shin. 2011. Importing Transparent Institution: The Political Economy of BITs and FDI Flow. *Working Paper, Multinationals and World Politics Conference, Krakow*, 2011. Akses 21 November 2011 di <http://ipec.gspia.pitt.edu/Portals/7/Papers/Importing%20Institutions%20The%20Political%20Economy%20of%20BITs.pdf>.
- S. Anwar & S. Sun 2011. Financial Development, Foreign Investment And Economic Growth In Malaysia. *Journal of Asian Economics*, 22 , 335–342.
- Shafaedin, S.M. 2005. Trade Liberalization And Economic Reform In Developing Countries: Structural Change Or De-Industrialization? *Working Paper Series*, No 179. *United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD)*.
- Sivalingam, G. 2011. Inflation in Malaysia: comments and critical analyses on global and regional trends, issues and development. *Malaysian Business*, 1 March 2011. Akses atas talian di <http://web1.iseas.edu.sg/?p=2806>.
- Sornarajah, M. 1994. *The International Law on Foreign Investment*. London: Cambridge University Press.
- Statistik UNCTAD. *Kadar Masuk dan Keluar FDI Dunia, 1975-2009*. Akses 28 Mei 2011 di atas talian di <http://unctadstat.unctad.org/TableViewer/tableView.aspx>.
- Stein, E. & Daude, C. 2007. Longitude matters: Time zones and the location of foreign direct investment. *Journal of International Economics Elsevier*, 71(1), 96-112.
- Stiglitz, J.E. 2002. *Globalization and its Discontents*. New York: W. W. Norton.

- Tham, S.Y. 2004. The Future Of Industrialization In Malaysia Under WTO. *Asia-Pacific Development Journal*, 11 (1), 25-46.
- Todaro, M.P. (Ed.). 2002. *Economic Development*. New York: Addison Wesley Longman.
- U.S. Department of State Report, 2011 Investment Climate Statement – Malaysia. Akses atas talian, 11 Nov.2011 di <http://www.state.gov/e/eeb/rls/othr/ics/2011/157318.htm>.
- UNCTAD. 2010. *World Investment Report, 2010. Investing in a Low-Carbon Economy*. New York and Geneva (United Nations).
- UNCTAD. 2003. *World Investment Report 2003*. New York: UNCTAD
- UNCTAD. 2009-2011. *World Investment Prospects Survey, 2009-2010*. UNCTAD/DIAE/IA/2009/8. Akses atas talian pada 22 November 2011 di http://www.unctad.org/en/docs/diaeia20098_en.pdf.
- Urata, S. 1994. Trade liberalization and productivity growth in Asia: Introduction and major findings. *The Developing Economics*, XXXXII(4), 363–372.
- Vardar, M.F. 2010. Factors of Investment Decision for Multinational Corporations: The Case of Turkey. *Journal of Turkish Weekly*, March 2010.
- Vogel, D. & Kagan, R. 2004. *Dynamics of Regulatory Change: How Globalization Affects National Regulatory Policies*, Berkeley: University of California Press.
- Wallach, M. & Sforza, L. 1999. *The WTO: Five Years of Reasons to Resist Corporate Globalization*. New York: Seven Stories Press.
- Wilhelms, S.K.S. & Witter, M.S.D. 1998. Foreign Direct Investment and its Determinants in Emerging Economies, *African Economic Policy Paper* No. 9, United States Agency for International Development Bureau for Africa, Office of Sustainable Development, Washington DC. Akses atas talian 28 Oktober 2011 di <http://www.eagerproject.com/discussion9.shtml>
- World Bank Development Report Summary. 1997. *The State in the Changing World*, World Bank, Washington DC, USA.
- World Bank. 1997. *Private Capital Flows To Developing Countries: The Road To Financial Integration*. Washington: The World Bank.
- World Trade Organization, Report. 2005. *Trade Policy Review: Report By The Secretariat (Malaysia)*, WT/TPR/S/156. Akses Online Pada 18/11/2011 Di Http://Www.Wto.Org/English/Tratop_E/Tpr_E/Tp257_E.Htm

World Trade Organization, Report. 2009. *Trade Policy Review: Report By The Secretariat (Malaysia)*, WT/TPR/S/225. Akses Online Pada 18/11/2011 Di [Http://Www.Wto.Org/English/Tratop_E/Tpr_E/Tp257_E.Htm](http://www.wto.org/english/tratop_e/tpr_e/tp257_e.htm)

Zulkifli Salleh. 2009. Liberalisasi Jalan Transformasi Ekonomi? *Dewan Ekonomi*, September, 2009.

NIK HAIRI OMAR:

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

UKM 43650 Bangi Selangor,

Email: hairi@ukm.my